

NO. KAD PENGENALAN /
NO. SIJIL KELAHIRAN

| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | | | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|

ANGKA GILIRAN

| | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
| | | | | | | | | | |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|



**JAWATANKUASA PENINGKATAN AKADEMIK
MAJLIS GURU BESAR NEGERI SEMBILAN**

**PRA UJIAN PENCAPAIAN SEKOLAH RENDAH - SIRI 1/2019
BAHASA MELAYU – PEMAHAMAN**

011

Bahagian B

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Tulis nombor kad pengenalan atau nombor sijil kelahiran dan angka giliran kamu pada petak yang disediakan.*
2. *Jawapan kamu hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan dalam kertas soalan ini.*
3. *Serahkan Bahagian B ini bersama-sama kertas jawapan objektif kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.*

| <i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i> | | |
|---------------------------------|--------------|------------------|
| Kod Pemeriksa: | | |
| No. Soalan | Markah Pemuh | Markah Diperoleh |
| 21 | (a) | 7 |
| | (b) | |
| 22 | (a) | 4 |
| | (b) | |
| 23 | (a) | 6 |
| | (b) | |
| 24 | (a) | 6 |
| | (b) | |
| | (c) | |
| 25 | (a) | 7 |
| | (b) | |
| | (c) | |
| Jumlah | 30 | |

Kertas ini mengandungi 8 halaman bercetak.

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

(a) Pilih perkataan paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong dalam perenggan di bawah.

| | | | |
|-----------|------|--------|---------|
| sekiranya | agar | bahawa | apabila |
| untuk | yang | kerana | dan |

Bijak pandai ada mengatakan _____ “membaca jambatan ilmu”. Amalan _____ terpuji ini hendaklah diamalkan oleh semua golongan terutamanya kanak-kanak. Ibu bapa memainkan peranan _____ menggalakkan anak-anak membaca. Pemilihan buku yang bermutu dan menarik penting _____ kanak-kanak kekal minat untuk membaca.

[4 markah]

(b) Nyatakan ayat betul atau salah bagi ayat-ayat di bawah.

(i) Peserta kuiz itu pandai amat, soalan yang susah pun dapat dijawabnya.

(ii) Jarak dari rumahnya ke bandar kira-kira tiga setengah kilometer.


(iii) Khasiat buah-buahan ialah untuk membekalkan vitamin kepada badan.

[3 markah]

Soalan 22


(a) Nyatakan kata ganda separa berdasarkan gambar di bawah.

(i)



kata ganda separa:

(ii)



kata ganda separa:

[2 markah]

(b) Nyatakan peribahasa yang sesuai berdasarkan pernyataan.



Pernyataan: Situasi dalam gambar tidak sepatutnya kita amalkan kerana sesuatu masalah boleh diselesaikan dengan cara baik. Kita seharusnya berbincang sebagaimana peribahasa

[2 markah]

Soalan 23

(a) *Tuliskan dialog yang sesuai bagi watak di bawah.*

Encik Shahlan : Kamu mesti menggunakan jejantas atau lintasan belang apabila melintas jalan.

Yazid : _____

[2 markah]

(b) *Tandakan (/) bagi penggunaan kata seru yang betul berdasarkan ayat di bawah ini.*

(i) _____ anak-anaku, kasihilah ibu yang banyak berkorban demi kalian!

| | |
|-----|--------------------------|
| Cis | <input type="checkbox"/> |
|-----|--------------------------|

| | |
|-------|--------------------------|
| Wahai | <input type="checkbox"/> |
|-------|--------------------------|

| | |
|----|--------------------------|
| Eh | <input type="checkbox"/> |
|----|--------------------------|

(ii) _____, cantik sungguh seni bina istana lama ini!

| | |
|-----|--------------------------|
| Nah | <input type="checkbox"/> |
|-----|--------------------------|

| | |
|--------|--------------------------|
| Aduhai | <input type="checkbox"/> |
|--------|--------------------------|

| | |
|-----|--------------------------|
| Wah | <input type="checkbox"/> |
|-----|--------------------------|

(iii) _____, rupa-rupanya Aina dan Aizat adik-beradik kembar!

| | |
|------|--------------------------|
| Aduh | <input type="checkbox"/> |
|------|--------------------------|

| | |
|--------|--------------------------|
| Syabas | <input type="checkbox"/> |
|--------|--------------------------|

| | |
|----|--------------------------|
| Oh | <input type="checkbox"/> |
|----|--------------------------|

(iv) _____, ambillah koleksi buku cerita ini dan jagalah dengan baik!

| | |
|-------|--------------------------|
| Amboi | <input type="checkbox"/> |
|-------|--------------------------|

| | |
|-----|--------------------------|
| Nah | <input type="checkbox"/> |
|-----|--------------------------|

| | |
|--------|--------------------------|
| Aduhai | <input type="checkbox"/> |
|--------|--------------------------|

[4 markah]

Soalan 24

Teliti jadual dan dialog di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Danial dan rakan-rakannya telah menjalani ujian Standard Kecergasan Fizikal Kebangsaan (SEGAK). Tujuan ujian yang diadakan dua kali setahun tersebut supaya murid-murid sentiasa peka, berpengetahuan dan mengamalkan aktiviti fizikal untuk meningkatkan tahap kecergasan mereka.

| JADUAL RUMUSAN SKOR UJIAN SEGAK | | | |
|---------------------------------|-------------------------|------|------------------|
| Bil. | Jumlah Skor Keseluruhan | Gred | Penyataan |
| 1 | 18 hingga 20 markah | A | Cemerlang |
| 2 | 15 hingga 17 markah | B | Sangat baik |
| 3 | 10 hingga 14 markah | C | Baik |
| 4 | 7 hingga 9 markah | D | Sederhana |
| 5 | 4 hingga 6 markah | E | Perlu usaha lagi |

Danial : Tahniah, Rajan! Kecergasan kamu pada tahap cemerlang.

Rajan : Terima kasih, Danial. Berapakah pula skor kamu?

Danial : Saya dapat 7 markah sahaja.

Amir : Nampaknya, skor kamu berdua lebih tinggi daripada skor saya. Saya memang lemah dalam bahagian tekan tubi dan ringkuk tubi separa.

Rajan : Itu bermakna kamu kurang daya ketahanan.

Danial : Saya pun kehilangan banyak markah pada bahagian daya tahan.

Rajan : Tidak mengapa, Danial, Amir. Saya akan membantu kamu berdua untuk melakukan senaman bagi menguatkan otot-otot badan.

(a) SEGAK bermaksud _____

[1 markah]

[Lihat halaman sebelah

- (b) Isikan pernyataan keputusan ujian SEGAK yang telah dijalani oleh 3 orang murid tersebut dalam jadual di bawah.

| BIL. | NAMA MURID | PENYATAAN |
|------|------------|-----------|
| 1 | Danial | Sederhana |
| 2 | Rajan | |
| 3 | Amir | |

[2 markah]

- (c) Pada pendapat kamu, apakah satu aktiviti senaman lain yang boleh dicadangkan oleh Rajan kepada rakan-rakannya untuk menguatkan otot-otot badan.

Jawapan kamu hendaklah menggunakan ayat yang lengkap.

[3 markah]

Soalan 25

Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Hutan di Negeriku

Hutan di negeriku
Rimbun menghiasi bumi
Bekalkan oksigen kepada manusia
Menjadi habitat flora dan fauna
Berabad-abad lama.

Malang menimpa
Hutan banyak diteroka
Berleluasa ditebang semahu rasa
Meronta tanah runtuh luluh
Sungai turut kotor tercemar
Suhu bumi kian meningkat.

Aduhai seluruh warga
Kekalkan malar segar hutan kita
Keseimbangan alam terus pelihara
Moga generasi bernafas sejahtera.

(a) Apakah akibat apabila hutan ditebang secara berleluasa?

[2 markah]

(b) Pada pendapat kamu, bagaimanakah cara untuk kita menjaga hutan agar sentiasa terpelihara?

[2 markah]

- (c) Apakah tindakan wajar yang perlu dikenakan kepada mereka yang menebang hutan sesuka hati?

[3 markah]

BAHAGIAN B TAMAT